



Perhimpunan haram 'bencana baru' menyusahkan rakyat

Pencetus ketegangan tidak syukuri nikmat kemerdekaan

Azman Amin Hassan

? RAMAI mengatakan penganjuran perhimpunan kali ini dipengaruhi anasir asing yang memilih kaedah bantahan jalanan untuk menyuarakan ketidakpuasan hati berbanding saluran betul seperti melalui pilihan raya. Adakah mereka ini sebenarnya berada di bawah telunjuk 'tangan asing' yang cuba merosakkan keamanan negara.


Ya, itulah yang kita nampak hari ini. Perhimpunan BERSIH jelas dipengaruhi keputusan dan amalan dunia luar untuk menggulingkan kerajaan seperti di Asia Barat, misalnya di Mesir yang cuba menukar kerajaan melalui cara lain, lihat apa berlaku di negara jiran, Thailand, sehingga kini masih bergolak akibat politik. Itulah mereka cuba lakukan saya percaya ia memang dipengaruhi hasutan pihak tertentu. Walaupun negara kita aman, masih ada tidak berpuas hati dan meluahkan perasaan dengan cuba mengheret rakyat melalui hasutan, itu sebenarnya amat berbahaya. Rakyat dihasut supaya menyertai perhimpunan, ada yang cuba menumpang seronok, sedangkan mereka tidak mengkaji kesannya secara mendalam.

RAMAI kecewa kerana pihak penganjur terus berdegit untuk meneruskan perhimpunan haram di ibu negara, Kuching dan Kota Kinabalu, Sabtu depan. Polis sudah menutup ruang rundingan kerana penganjurnya, terutama Gabungan Pilihan Raya Adil dan Bersih (BERSIH) tidak mahu membatalkan hasrat itu. Wartawan *Berita Minggu*, MOHD AZIS NGAH dan NADIA HAMID mendapatkan pandangan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Dr Azman Amin Hassan dan pakar keselamatan, Kamal Affendi Hashim untuk membincang lanjut isu ini.

ngan berhimpun di tempat awam, itu mengganggu orang ramai yang tiada kena mengena dengan perjuangan mereka. Jelas, mereka cuba buktikan Malaysia negara yang huru-hara, sedangkan hakikatnya kita selamat dan tenteram. Badan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik ekstrem akan buat apa saja untuk mencabar kerajaan, mereka mendakwa perlukan demokrasi, tetapi kenapa tak amalkan demokrasi melalui saluran betul. Dalam situasi ini, kerajaan tersepit di celah-celah kenakalan anak Malaysia yang tidak tahu bersyukur.

haman komunis secara senyap.

Fahaman komunis sudah lama terpadam. Ideologi itu basi dan tidak lagi diterima rakyat. Negara China sudah moden dan berubah tetapi nampaknya di negara kita, cubaan menghidupkan semula fahaman komunis dan ada yang sebarkan gerakan sosialis. Kononnya, mereka cuba menuntut keadilan. Kita kena rujuk Perlembagaan Persekutuan yang dirangka hasil kesepakatan semua kaum. Semangat perpaduan itu perlu dilihat. Jangan gunakan alasan itu adalah sejarah lama, generasi



Perhimpunan BERSIH jelas dipengaruhi amalan dunia luar menggulingkan kerajaan seperti di Asia Barat yang cuba tukar kerajaan melalui cara lain, lihat apa berlaku di negara jiran, Thailand, sehingga kini masih bergolak akibat politik. Itulah mereka cuba lakukan saya percaya ia dipengaruhi hasutan pihak tertentu

Logiknya tindakan kekerasan tidak boleh dilawan dengan agresif. Tindakan cetuskan api kemarahan itu kerja orang kurang waras. Jelas, kekecohan itu dicetuskan kumpulan kecil yang cari pengaruh

Azman Amin Hassan

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional




Sudah tentu kerajaan risau, memang akan ada yang cuba membuat kacau, cetuskan pergaduhan, ketegangan hingga ia boleh merebak menjadi perkara lain. Bahkan, tidak mustahil ia boleh mencetuskan isu perkauman. Semua itu patut dihindar sebab negara kita aman, jauh daripada bencana alam, kita patut bersyukur. Kenapa perlu mencipta bencana baru dengan cetuskan huru-hara, sedangkan kita ada pilihan menukar kerajaan melalui pilihan raya. Jika betul mereka ingin adakan perhimpunan, kenapa tidak memilih tempat tertutup yang dibenarkan, misalnya di Stadium Bukit Jalil yang boleh memuatkan 100,000 orang. Ja-

Saya percaya, mereka sebenarnya cuba 'mencipta nama' di persada antarabangsa dengan menjadi wira jalandan. Kerajaan sudah buat macam-macam, tetapi masih ada yang sangkal pelaksanaan dasar kerajaan. Dalam usaha pulihkan negara, kita sepatutnya bersatu, kerana melalui cara itu kita akan jadi hebat tetapi masih ada pihak tertentu cuba meracuni rakyat dengan mendakwa kerajaan tidak bersih.

? Berdasarkan beberapa bukti ditemui polis, wujud kemungkinan, perhimpunan bantahan itu juga sebenarnya adalah cubaan menghidupkan semula fa-

baru kena cipta sejarah baru, itu tak betul. Kalau buat sejarah baru untuk memajukan negara, kita boleh terima. Negara kita amalkan sistem Raja Berperlembagaan, kita kena pegang dan jangan sesekali terpedaya dengan anasir komunis dan sosialis. Negara kita jelas berbeza. Contoh paling mudah, tanya rakyat Malaysia yang biasa ke luar negara, apa perbandingan yang mereka katakan berbanding negara lain. Nikmat perpaduan yang kita ada di sini cukup baik yang tidak ada di dunia lain kerana pelbagai kaum boleh bersatu dan hidup aman di Malaysia. Di sini, kita bersyukur kerana mudah mencari rezeki, sedangkan negara lain masih pada takuk lama, nak dapatkan kerja pun susah. Semua itu hasil ruang yang disediakan kerajaan. Bahkan, warga asing datang ke sini boleh hidup senang, ada kerja. Kenapa kita tak bersyukur dengan semua nikmat itu. Bulan lalu, 30 warga Korea Selatan datang ke sini. Mereka adalah wakil kerajaan dan NGO yang melawat Malaysia. Apabila pulang, mereka datang semula ke sini dengan 60 orang dan ucapkan tahniah kerana kita berjaya buktikan perpaduan. Bulan ini, 100 pemimpin negara itu akan datang ke sini. Kita perlu kaji, kenapa mereka suka datang ke sini. Mereka kagum dan kita dijadikan negara contoh. Kita tidak sedar betapa bertuahnya menjadi rakyat Malaysia. Jangan besarkan isu kecil yang boleh diselesaikan.

? Matlamat sebenar perjuangan pihak tertentu kononnya menuntut keadilan dilihat semakin terpesong. Semua bercampur aduk dengan kepentingan periba-



TUNJUK perasaan dan demonstrasi boleh

di dan campur tangan pihak luar.

Memang tujuan itu sudah terasar. Kalau nak hantar memorandum, bukan itu caranya. Banyak cara lain boleh buat dan semua itu ada pilihan. Dakwaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tak telus juga dipersoalkan. Kalau tak telus, takkan pembangkang boleh tawan lima negeri ketika pilihan raya umum lalu. Jika dibandingkan dengan negara maju, misalnya di United Kingdom, kempen pilihan raya di sana cukup hebat. Calon hanya menyampaikan ceramah dan kempen mengenai manifesto parti, bukan cari kesalahan dan hentam lawan. Tetapi semua itu berbeza di sini, selepas lima tahun masih cakap hal sama. Politik cuma untuk pilih kerajaan, bukan berpuak, berpecah belah, bermusuhan. Agama tak galakkan perpecahan tetapi menyuruh kita bermuafakat. Semua berbalik kepada asas agama, insya-Allah semua akan selamat. Banyak suara yang diam sebelum ini bersuara, menolak



PERHIMPUNAN haram bukan cara terbaik bagi rakyat membuat tuntutan.




'Tarik kerakyatan pengkhianat negara'

Kamal Affendi Hashim

? PENGANJUR perhimpunan kali ini seolah-olah mengulangi tayang propaganda rusuhan yang pernah berlaku sebelum ini. Bagaimanakah pandangan saudara mengenai trend ini.

Penganjuran perhimpunan bakal mencetuskan pelbagai masalah. Empat tahun dulu, saya pernah menyatakan transisi jenayah semasa seperti rompakan, curi, samun, kerosakan keperluan barang runcit dan samun kargo akan berubah kepada jenayah kebencian. Ternyata ia benar terjadi lima tahun selepas itu, dan kekacauan yang berlaku pada hari ini disebabkan transisi jenayah kebencian. Pengacau di sana-sini menimbulkan kebencian dan menyemarakkan kemarahan kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada mereka, sekali gus berusaha menganjurkan demonstrasi jalanan bagi menyemarakkan rasa tidak puas hati mereka terhadap pemerintah. Malah, mereka membahaskan mengenai hak kebebasan bersuara tanpa mematuhi isi kandungan artikel 10 Perlembagaan Persekutuan seperti tidak sewenang-wenangnya menggunakan bahasa yang boleh merendahkan sesuatu kaum dan mencetuskan ketegangan.

? Difahamkan, penganjur mempunyai matlamat bagi menuntut keadilan dalam pilihan raya namun, tidakkah mereka berfikir bahawa tindakan mereka hanya akan membahayakan orang awam keseluruhannya.



Penganjuran perhimpunan bakal mencetuskan pelbagai masalah. Saya pernah menyatakan transisi jenayah semasa seperti rompakan, curi, samun, kerosakan keperluan barang runcit dan samun kargo akan berubah kepada jenayah kebencian. Ternyata ia benar terjadi lima tahun selepas itu, dan kekacauan yang berlaku


pihak berkuasa. Polis bertugas bagi memastikan keselamatan dan keamanan. Justeru, apabila segelintir masyarakat merungut, saya berpesan supaya menghalau penganjur bukannya pihak yang memastikan keselamatan kita, baru masyarakat faham tujuan tugas polis.

? Benarkah dakwaan bahawa tindakan segelintir pihak memprovokasi pihak berkuasa, mempunyai niat jahat yang tersembunyi.

Jika diperhatikan, ada pihak sengaja melakukan kekacauan supaya tindakan diambil dan apabila ditangkap serta dikenakan tahanan seperti ISA, mereka akan menuduh dan menyambung tohmahan serta bangkangan kepada pemerintah. Ia sekali gus mengukuhkan dakwaan mereka ditindas sedangkan ia dirancang pihak pengacau. Kenapa pengacau memulakan serangan hanya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Polis Diraja Malaysia (PDRM)? Situasi ini sama ketika reformasi dan HINDRAF. Seperti berlaku pada zaman komunis apabila persatuan sekerja dan orang Melayu diguna untuk menggulingkan pemerintah. Hasutan digunakan untuk kucar-kacirkan keadaan.

? Pesanan dan ingatan saudara kepada orang awam supaya menghindari perhimpunan haram.

Jika tidak berpuas hati, nyatakan melalui peti undi bukannya mengaduk tidak tentu pasal. Niat mengadakan perhimpunan sudah melencong kerana negara Malaysia tidak mengamalkan keganasan. Pengkhianat terbabit perlu malu dan sejarahnya dengan penganjur telah



mencetuskan huru-hara dan menjejaskan emosi rakyat.

huru-hara. Logiknya tindakan keke-
rasan tidak boleh dilawan dengan
agresif. Api tak boleh lawan api, ber-
tambah meletup. Tindakan mence-
tuskan api kemarahan itu kerja
orang kurang waras. Jelas, keke-
cohan itu dicetuskan kumpulan kecil
yang mencari pengaruh dan menam-
bah pengikut. Saya percaya kerajaan
tahu bagaimana nak berunding.

? Ketika rusuhan di ibu negara
beberapa tahun lalu, ramai pen-
gikut HINDRAF bertindak ganas
merosakkan harta awam. Itu
membuktikan, apabila ramai
yang berkumpul, akan berlaku
tindakan luar kawalan dan ia ber-
tentangan dengan janji penganjur
untuk berkumpul secara aman.

Memang itulah yang akan ber-
laku. Peniaga sekitar perhim-
punan jadi mangsa sebab mereka
berdemonstrasi di tempat tumpuan
umum. Ramai yang takut keluar se-
dangkan penganjur tahu, mereka se-
benarnya ada pilihan untuk meny-

lurkan bantahan, bukan demonstra-
si, itu budaya ganas. Walaupun tak
mungkin berlaku darurat, ia sebe-
narnya menjejaskan emosi rakyat.
Mereka timbulkan suasana tidak
baik. Kalau betul mahu hantar me-
morandum, kerajaan boleh benar-
kan 10 orang serah memorandum
atau berbincang dengan SPR. Kalau
mereka tidak diberi ruang, kerajaan
akan bermasalah. Apabila sudah ta-
hu apa mereka mahu, barulah boleh
bertindak. Memang tidak semuanya
boleh dipenuhi, tetapi sekurang-ku-
rangnya mereka dapat peluang. Ada
gimik mengatakan kalau kerajaan
tak boleh tumbang melalui pilihan
raya, kena guna cara jalanan, buat
bantahan. Itu sebenarnya tak betul,
sedangkan ramai yang memprotes
adalah cendekiawan. Tentu mereka
tahu bagaimana nak buat, tak perlu
ikut orang yang berfikir mengikut
emosi. Kalau mereka bijak, kenapa
tak ubah prinsip 'kenapa tak boleh
setuju dengan apa yang kita tak se-
tuju.'

Seharusnya, sebahagian perhim-
punan mahupun demonstrasi
yang sah perlu memiliki permit,
sekali gus berkumpul di tempat ter-
tutup bagi mengelak timbul mas-
alah kepada individu tidak berke-
naan. Jika diperhatikan, pihak ber-
kuasa sudah menawarkan pilihan
terbaik seperti diadakan di stadium
tertutup, hadkan bilangan, elak
orang awam dan jangan mencetus-
kan kekangan perkauman sekira-
nya masih mahu mengadakan de-
monstrasi berkenaan. Bagaimana-
pun, sikap angkuh menyebabkan
BERSIH enggan menimbangkan ta-
waran berkenaan, malah tanpa ra-
gu-ragu berdegil mahu meneruskan
rancangan mengadakan demons-
trasi di jalanan. Justeru, ia secara
langsung akan membabitkan pen-
nyertaan orang awam. Kempen apa-
bila dilakukan di tepi jalan dikhua-
tiri mengundang lebih ramai pen-
nyertaan dan penyokong membuta-
tuli.

? Ada penyokong BERSIH te-
rutama peniaga mengambil
kesempatan membantu mengik-
lankan demonstrasi jalanan itu,
bagaikan mahu menghangatkan
keadaan.

Kepada peniaga yang cuba meng-
nagut untung di atas perniaga-
an sempena perhimpunan haram
ini harus sedar tindakan mereka
seolah-olah tidak menghormati per-
lembagaan negara dan institusi

*kekacauan yang berlaku
pada hari ini disebabkan
transisi jenayah
kebencian*

Kamal Affendi Hashim
Pakar keselamatan



raja-raja dan harus faham maruah
diri mereka terhadap negara. Saya
rasa malu dengan pejuang tanah air
yang terkorban kerana mempertahankan
kedaulatan dan memasti-
kan kemerdekaan pada negara.

? Ahli dan penyokong parti
pembangkang menunjukkan
secara terang-terangan soko-
ngan mereka terhadap perhim-
punan haram.

Isyarat yang diberikan mengeli-
rukan kerana mereka enggan
menyuarakan rasa tidak puas hati
masing-masing kepada Ahli Parli-
men mahupun menggunakan salu-
ran yang betul. Jika betul mereka
sayangkan negara, guna saluran
yang betul untuk suarakan rasa ti-
dak puas hati masing-masing. Me-
metik peristiwa di bazar malam up-
town Shah Alam, polis mengadakan
sekatan jalan raya apabila ada la-
poran berlaku demonstrasi. Walhal,
maklumat itu tidak tepat sebalik-
nya, propaganda bagi mencetuskan
ketegangan antara penduduk dan

dan segan dengan pejuang tanah air
yang sudah berkorban dan terkor-
ban memperjuangkan tanah air ke-
rana ada pihak agungkan ideologi
komunis kerana ia tamparan ke-
pada sejarah bangsa. Sekiranya ma-
sih mahu menyertai demonstrasi
itu, ia sahkan bahawa mentaliti
1970-an masih menebal. Justeru, ta-
rik saja kerakyatan dan tinggal di
negara lain yang mahu menerima
anda. Masyarakat yang sayangkan
negara seharusnya celik undang-
undang, perlembagaan dan tang-
gungjawab terhadap negara. Pen-
duduk Malaysia ramai 'kaki ten-
gok'. Semua akan ditengok, namun
elakkan jadi mangsa dan jangan
sertai perhimpunan ini, hormati di-
ri sendiri. Faktor diperalatkan se-
perti 'kerbau dicucuk hidung', api
dalam sekam dapat dilihat dalam
perhimpunan HINDRAF. Ramai
orang awam ditahan, tiada siapa
mampu menjamin. Berhenti kerja,
diberhentikan kerja dan kehilan-
gan maruah diri, sedangkan pen-
ganjur dan dalang tetap hidup me-
wah. Keganasan ideologi (era baru)
berbahaya kerana keganasan wujud
secara senyap-senyap namun, tidak
mampu dikekang. Untuk cetus ke-
ganasan amat mudah. Cuma per-
lukan kayu api (masyarakat dibe-
songkan), bahan bakar (tok dalang)
dan mancis (ambil kesempatan).
Justeru, fenomena 'mass hysteria'
berlaku dan keamanan negara ba-
kal bergolak seperti negara jiran.